

**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971**

**PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA 2010**

**KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA  
(IJAZAH SARJANA MUDA) 2024**

**SUSUNAN KAEDAH**

**BAHAGIAN I  
PERMULAAN**

Kaedah

- |    |  |   |
|----|--|---|
| 1. | Nama, Mula Berkuat kuasa dan Pemakaian | 3 |
| 2. | Tafsiran                               | 3 |

**BAHAGIAN II  
PROGRAM AKADEMIK DAN SYARAT KEMASUKAN**

- |    |   |   |
|----|---|---|
| 3. | Program Akademik                          | 7 |
| 4. | Kemasukan ke Program Pengajian Universiti | 7 |
| 5. | Pelajar Program Mobiliti                  | 8 |

**BAHAGIAN III  
PENDAFTARAN**

- |    |   |   |
|----|---|---|
| 6. | Pendaftaran Program Pengajian bagi Pelajar Baharu | 8 |
| 7. | Pendaftaran Kursus                                | 9 |
| 8. | Pertukaran Program Pengajian                      | 9 |

**BAHAGIAN IV  
BAYARAN**

- |     |  |   |
|-----|--|---|
| 9.  | Yuran dan Bayaran Lain                       | 9 |
| 10. | Hak Mengubah Kadar Yuran Dan Bayaran Lain    | 9 |
| 11. | Tempoh Menjelaskan Yuran dan Bayaran Lain    | 9 |
| 12. | Kegagalan Menjelaskan Yuran dan Bayaran Lain | 9 |

**BAHAGIAN V**  
**TEMPOH PROGRAM PENGAJIAN**

13. Tempoh Program Pengajian	9
14. Tempoh Minimum dan Tempoh Maksimum	10
15. Penggantungan Program Pengajian Pelajar	10

**BAHAGIAN VI**  
**STRUKTUR PROGRAM PENGAJIAN**

16. Struktur Program Pengajian	10
17. Penilai Luar Program	10
18. Komponen Program Pengajian	11

**BAHAGIAN VII**  
**SISTEM PENASIHAT AKADEMIK**

19. Fungsi Penasihat Akademik	11
-------------------------------	----

**BAHAGIAN VIII**  
**KAEDAH PENILAIAN**

20. Penilaian	11
21. Jawatankuasa Pemeriksa	12

**BAHAGIAN IX**  
**PENGIJAZAHAN**

22. Syarat Pengijazahan	12
-------------------------	----

**BAHAGIAN X**  
**AM**

23. Penamatan Status Akademik Pelajar	12
24. Kuasa Senat Membuat Peraturan	12
25. Pengecualian Pemakaian	12
26. Pematuhan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti	13
27. Pembatalan	13

## AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

### PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA 2010

#### KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA (IJAZAH SARJANA MUDA) 2024

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen 37(1) Perlembagaan Universiti Malaya 2010 [P.U. (A) 444/2010] Lembaga Pengarah Universiti Malaya membuat kaedah-kaedah berikut:

#### **BAHAGIAN I** **PERMULAAN**

##### **1. Nama, Mula Berkuat kuasa dan Pemakaian**

- (1) Kaedah-kaedah ini dinamakan Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Ijazah Sarjana Muda) 2024 dan hendaklah berkuat kuasa mulai Sesi Akademik 2024/2025.
- (2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai kepada semua pelajar program pengajian Sarjana Muda mulai Sesi Akademik 2024/2025 KECUALI pelajar yang mengikuti program pengajian Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan (MBBS), Sarjana Muda Pembedahan Pergigian (BDS) dan Sarjana Muda Jurisprudens.
- (3) Walau apapun yang dinyatakan di subkaedah (2), pelajar Sesi Kemasukan 2013/2014 hingga 2016/2017 akan terus tertakluk kepada syarat Penganugerahan Ijazah seperti yang ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Pengajian Ijazah Pertama) 2013.
- (4) Walau apapun yang diperuntukkan di bawah Kaedah-Kaedah ini dan Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya, kaedah pelaksanaan Ijazah Sarjana Muda yang akan digunakan oleh Universiti hendaklah juga dibaca bersama dasar, polisi, garis panduan, prosedur dan/atau apa-apa ketetapan lain oleh Universiti dari semasa ke semasa.

##### **2. Tafsiran**

Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

“\*bidang pengajian” ertinya pengkhususan yang ditawarkan di dalam sesuatu program pengajian;

Nota

\*bidang pengajian hendaklah merujuk kepada bidang pengkhususan yang termaktub dalam Kod Pendidikan Nasional (NEC) semasa.

“bilik peperiksaan” ertinya premis untuk menjalankan peperiksaan bagi sesuatu kursus atau kursus-kursus;

“bukan warganegara” ertinya bukan warganegara Malaysia termasuk yang berstatus pemastautin tetap;

“Bursar” ertinya seorang pegawai Universiti seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 14 Perlembagaan;

“Dekan Fakulti” ertinya Dekan Fakulti Universiti dan termasuk mana-mana Pengarah atau Ketua Akademi, Pusat, Sekolah dan Institut yang dilantik di bawah subseksyen 24(4) dan (5) Perlembagaan;

“Fakulti” ertinya mana-mana Fakulti Universiti dan termasuk mana-mana Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut Universiti yang ditubuhkan di bawah subseksyen 24(1) Perlembagaan;

“Guru” ertinya seseorang yang dilantik menjadi guru mengikut Perlembagaan Universiti Malaya dan termasuklah profesor kanan, profesor, profesor madya, felo, penolong profesor, *reader*, pensyarah kanan, pensyarah, pembantu pengajar dan guru bahasa;

“ijazah” ertinya ijazah Sarjana Muda Universiti;

“Jabatan” ertinya mana-mana Jabatan Pengajian Fakulti dan termasuklah mana-mana bahagian pengajian Fakulti;

“Jawatankuasa Pemeriksa” ertinya Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Senat atas perakuan Fakulti untuk mempertimbangkan keputusan peperiksaan pelajar dan menjalankan apa-apa kuasa lain yang diberi kepadanya menurut peruntukan Kaedah-Kaedah ini atau Peraturan-Peraturan yang berkenaan;

“kaedah pengajian separuh masa” ertinya pengajian yang diikuti oleh pelajar dengan pembelajaran kurang daripada 12 kredit dalam satu (1) semester lazim [kurang 60% daripada jumlah kredit maksimum dalam satu (1) semester]. Walau bagaimanapun, bagi semester akhir, pelajar dibenarkan mengambil maksimum sebanyak 14 kredit.

“kaedah pengajian sepenuh masa” ertinya pengajian yang diikuti oleh pelajar dengan pembelajaran minimum sebanyak 12 kredit dalam satu (1) semester lazim [60% daripada jumlah kredit maksimum dalam satu (1) semester].

“Kalendar Pengajian” ertinya tempoh pengajian yang terdiri daripada minggu kuliah, minggu ulangkaji, minggu peperiksaan dan cuti dalam sesuatu semester yang mana tarikh permulaan dan tarikh akhirnya hendaklah sepertimana yang ditetapkan oleh Senat.

“Ketua Jabatan” ertinya Ketua mana-mana Jabatan pengajian Fakulti termasuk Penyelaras Program di mana berkenaan;

“kredit” ertinya ukuran kuantitatif yang melambangkan volum pembelajaran atau beban pembelajaran untuk mencapai hasil pembelajaran tertentu;

“kredit dapat” ertinya suatu kredit yang diperolehi oleh seseorang pelajar bagi sesuatu kursus yang dijalani dalam program pengajiannya bagi tujuan penyempurnaan pengijazahan;

“kredit kira” ertinya suatu kredit yang diperolehi oleh seseorang pelajar bagi sesuatu kursus yang dijalani dalam program pengajiannya dan gred yang diperolehi bagi kursus

tersebut diambil kira di dalam pengiraan PNG dan PNGK;

“kursus” ertinya satu (1) unit pengajian atau latihan yang disediakan dalam satu (1) tempoh tertentu, biasanya dalam satu (1) semester, yang menyumbang kredit kepada sesuatu program pengajian;

“kursus diaudit” ertinya kursus yang didaftarkan dan dihadiri oleh pelajar tanpa menduduki peperiksaan;

“kursus elektif” ertinya kursus yang boleh dipilih oleh pelajar;

“kursus teras” ertinya kursus yang wajib diikuti oleh pelajar;

“Kursus Universiti/Kursus Umum” ertinya kursus yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi dalam silibus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) dan kursus umum yang ditetapkan oleh Universiti (jika ada) yang wajib diikuti oleh setiap pelajar;

“major” ertinya program yang mempunyai sekurang-kurangnya 70%\* komponen dalam sesuatu bidang utama program;

Nota:

\* pengiraan peratusan major, pengkhususan dan minor adalah berdasarkan jumlah kredit keseluruhan (tidak termasuk Kursus Universiti/Kursus Umum).

“major-minor” ertinya program yang mempunyai bidang pengajian minor yang merangkumi 25-30% pengetahuan dalam bidang pengajian lain daripada bidang utama. Penamaan program jenis ini menggunakan kata hubung ‘dengan’ (*with*) antara bidang utama dan bidang pengajian lain;

“Major dengan Pakej Minor” ertinya program yang diambil bersama-sama dengan pakej akademik pilihan yang membenarkan pelajar mengambil beberapa kursus di luar struktur kurikulum program pengajiannya bagi tujuan perluasan ilmu. Pakej Minor ini akan dipaparkan dalam transkrip akademik sekiranya pelajar mencapai 18 kredit bagi sesuatu pakej.

“Major-Minor” ertinya program yang mempunyai bidang pengajian minor yang merangkumi 25-30% pengetahuan dalam bidang pengajian lain daripada bidang utama yang merujuk kepada bidang teras program. Penamaan program jenis ini menggunakan kata hubung “dengan” (*with*) antara bidang utama dan bidang pengajian lain.

“Naib Canselor” ertinya ketua pegawai eksekutif dan akademik Universiti yang dilantik di bawah subseksyen 12(1) Perlembagaan;

“pelajar” ertinya seseorang yang telah berdaftar bagi menjalani mana-mana program pengajian Sarjana Muda Universiti;

“Pelajar *inbound*” ertinya pelajar dari universiti/institusi luar yang diluluskan untuk mengikuti kursus-kursus tertentu di Universiti. Walau bagaimanapun, mereka bukanlah pelajar Universiti.

“Pelajar *outbound*” ertinya pelajar Universiti yang diluluskan untuk mengikuti kursus-kursus tertentu di universiti/institusi lain.

“Pembantu Pengajar” ertinya seseorang guru yang dilantik oleh Universiti bagi membantu urusan pengajaran dan pembelajaran termasuk tetapi tidak terhad kepada

demonstrator, Felo Penyelidik Pasca Doktorat, Pembantu Penyelidik Siswazah (*Graduate Research Assistant*) dan Pembantu Pengajar Siswazah (*Graduate Teaching Assistant*).

“Pemeriksa Dalam” ertinya seseorang guru sepenuh masa atau separuh masa Universiti yang dilantik oleh Fakulti untuk memeriksa sesuatu kursus atau sebahagian daripada kursus;

“Pendaftar” ertinya seorang pegawai Universiti seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 14 Perlembagaan;

“Pengawas” ertinya seseorang yang dilantik oleh Universiti daripada kalangan guru sepenuh masa atau separuh masa Universiti untuk mengawas peperiksaan program akademik;

“Penyelaras Program” ertinya seseorang yang dilantik oleh Dekan Fakulti daripada kalangan guru sepenuh masa Universiti untuk menyelaras sesuatu program akademik;

“Perlembagaan” ertinya Perlembagaan Universiti Malaya 2010 [P.U. (A) 444/2010];

“program akademik” ertinya sekumpulan kursus dan/atau latihan yang dirancang dan disediakan bagi memenuhi keperluan untuk dianugerahkan ijazah;

“program profesional” ertinya program pengajian yang memerlukan pengiktirafan atau yang diiktiraf oleh sesebuah badan profesional;

“semester” ertinya tempoh tertentu yang ditetapkan oleh Universiti bagi sesuatu sesi akademik yang terdiri daripada Semester Biasa dan Semester Khas;

“Semester Biasa” ertinya Semester I atau Semester II sepertimana yang dinyatakan di dalam Kalendar Pengajian;

“Semester Khas” ertinya semester yang tempohnya lebih pendek daripada Semester Biasa dan diadakan selepas Semester II;

“Semester lazim” ertinya sistem semester yang menggunakan 17 minggu pengajian. Sistem semester selain 17 minggu pengajian perlu menetapkan bilangan kredit minimum yang bersesuaian.

“Senat” ertinya salah satu Pihak Berkuasa Universiti yang ditubuhkan di bawah Seksyen 22 Perlembagaan;

“Sesi Akademik” ertinya tempoh pengajian sesuatu program akademik yang terdiri daripada dua (2) Semester Biasa dan Semester Khas yang tarikh permulaan dan tarikh tamatnya ditetapkan oleh Senat;

“Sesi Kemasukan” ertinya sesi bilamana seseorang pelajar diterima masuk ke sesuatu program pengajian;

“Struktur Pengajian Ijazah” ertinya senarai kursus beserta jumlah kredit yang wajib disempurnakan bagi melayakkan seseorang pelajar untuk dianugerahkan Ijazah;

“Tahun Kalendar” ertinya jangka waktu (masa) yang tempohnya adalah dua belas (12) bulan (Januari – Disember);

"tempat pengajian" ertinya Universiti termasuk mana-mana tempat lain yang diluluskan oleh Universiti;

"Timbalan Dekan" ertinya seseorang yang dilantik oleh Universiti sebagai Timbalan Dekan Ijazah Dasar dan bertanggungjawab bagi urusan program Sarjana Muda di Fakulti;

"Universiti" ertinya Universiti Malaya.

"warganegara" ertinya warganegara Malaysia.

## **BAHAGIAN II** **PROGRAM AKADEMIK DAN SYARAT KEMASUKAN**

### **3. Program Akademik**

Program akademik yang ditawarkan oleh Universiti adalah seperti mana yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi dari semasa ke semasa dan boleh ditawarkan sebagai pengajian sepenuh masa atau separuh masa.

### **4. Kemasukan ke Program Pengajian Universiti**

(1) Setiap pemohon yang ingin mengikuti program pengajian Sarjana Muda di Universiti Malaya hendaklah:

- (a) memenuhi keperluan syarat am Universiti yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi dan syarat khas kemasukan ke program pengajian yang ditetapkan oleh Senat;
- (b) mengesahkan penerimaan tawaran kemasukan;
- (c) disahkan oleh Pengamal Perubatan Berdaftar, Klinik Universiti Malaya bahawa pemohon mempunyai tahap kesihatan yang memuaskan dan tidak menghidap apa-apa penyakit yang boleh mengganggu pengajian di Universiti;
- (d) telah memenuhi semua keperluan imunisasi yang telah ditetapkan bagi program akademik secara klinikal dan bukan klinikal yang melibatkan \*aktiviti klinikal; dan

\*bagi maksud sub-kaedah (d) di atas, aktiviti klinikal adalah seperti yang ditakrifkan di dalam Polisi Vaksinasi Universiti Malaya.

- (e) membayar yuran yang ditetapkan.
- (2) Dalam keadaan tertentu, kemasukan pemohon adalah tertakluk kepada keputusan Senat atas perakuan Jawatankuasa Pemilihan Kemasukan Fakulti yang berkenaan serta memenuhi subkaedah (1)(b) hingga (e) di atas.
- (3) Kemasukan bagi program pengajian adalah pada permulaan Semester I atau Semester II setiap sesi akademik.
- (4) Setiap tawaran kemasukan adalah untuk sesuatu semester dan sesi tertentu.

## 5. Pelajar Program Mobiliti

- (1) Pelajar Program Mobiliti merujuk kepada:
  - (a) pelajar *inbound* yang diluluskan untuk mengikuti kursus-kursus tertentu di Universiti, sama ada atau tidak untuk tujuan mendapat gred dan/atau kredit. Mereka bukanlah pelajar Universiti.
  - (b) Pelajar *outbound* yang diluluskan untuk mengikuti kursus-kursus tertentu di universiti/institusi lain sama ada atau tidak untuk tujuan mendapat gred dan/atau kredit tertakluk kepada ketetapan universiti/institusi tersebut.
- (2) Permohonan mengikuti Program Mobiliti hendaklah atas budi bicara Dekan Fakulti.

## **BAHAGIAN III** **PENDAFTARAN**

## 6. Pendaftaran Program Pengajian bagi Pelajar Baharu

- (1) Sesiapa yang ditawarkan oleh Universiti untuk mengikuti program pengajian dan menerima tawaran tersebut dikehendaki mendaftar mengikut peraturan di bawah Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Sarjana Muda) 2024.
- (2) Tertakluk kepada subkaedah (3) di bawah, sesiapa yang mendaftar seperti yang tersebut di subkaedah (1) di atas adalah pelajar Universiti dan digelar pelajar program berkenaan. Nama pelajar tersebut hendaklah disenaraikan dalam daftar pelajar Universiti sehingga pelajar berjaya menamatkan program pengajiannya dan Senat mengesahkan pelajar tersebut layak dianugerahkan ijazah atau sehingga atas sebab tertentu pelajar tersebut hilang status menjadi pelajar Universiti mengikut yang mana terdahulu.
- (3) Setiap pelajar yang telah mendaftar untuk mengikuti program pengajian yang telah ditawarkan kepadanya hendaklah mendaftar secara berterusan dengan Universiti dalam tempoh yang ditetapkan dan sekiranya gagal berbuat demikian, namanya akan digugurkan daripada senarai daftar pelajar serta terhenti daripada menjadi pelajar Universiti.
- (4) Walau apapun yang dinyatakan dalam subkaedah (1) dan tertakluk kepada subkaedah (3) seperti di atas, Senat boleh pada bila-bila masa menamatkan pendaftaran mana-mana pelajar sekiranya pada pandangan Senat pelajar tersebut atas sebab-sebab akademik yang ditentukan oleh Senat, tidak mampu meneruskan program pengajiannya dan nama pelajar tersebut hendaklah digugurkan dan ditamatkan daripada senarai daftar pelajar Universiti dan pelajar tersebut hendaklah terhenti daripada menjadi pelajar Universiti. Keputusan Senat yang dibuat menurut peruntukan subkaedah (4) ini adalah muktamad.
- (5) Penangguhan pendaftaran program pengajian pelajar baharu hanya boleh dipertimbangkan atas alasan perubahan atau apa-apa alasan lain yang diterima atas budi bicara Universiti. Tempoh penangguhan ini tidak akan diambil kira sebagai sebahagian daripada tempoh pengajian yang ditetapkan. Tawaran akan diluputkan sekiranya pelajar tidak juga mendaftar pada semester atau sesi berikut yang berkenaan.



## **7. Pendaftaran Kursus**

Setiap pelajar dikehendaki mendaftar kursus pada setiap semester mengikut syarat yang ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawah Kaedah-Kaedah ini.

## **8. Pertukaran Program Pengajian**

- (1) Seseorang pelajar yang telah mendaftar program pengajian yang ditawarkan tidak dibenarkan untuk membuat pertukaran program pengajiannya.
- (2) Walau apapun yang dinyatakan oleh subkaedah (1) di atas, dalam keadaan tertentu seseorang pelajar boleh memohon untuk dipertimbangkan pertukaran program pengajian tertakluk kepada syarat yang ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawah Kaedah-Kaedah ini.

## **BAHAGIAN IV** **BAYARAN**

## **9. Yuran dan Bayaran Lain**

Pelajar hendaklah menjelaskan semua yuran dan bayaran lain yang ditetapkan mengikut peraturan seperti mana yang diperuntukkan dalam Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Sarjana Muda) 2024.

## **10. Hak Mengubah Kadar Yuran dan Bayaran Lain**

Pihak Universiti mempunyai hak untuk mengubah kadar yuran dan apa-apa kadar bayaran lain yang ditetapkan tanpa notis terlebih dahulu kepada pelajar.

## **11. Tempoh Menjelaskan Yuran dan Bayaran Lain**

Pelajar hendaklah membayar semua yuran dan bayaran lain dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti.

## **12. Kegagalan Menjelaskan Yuran dan Bayaran Lain**

Kegagalan seseorang pelajar menjelaskan semua yuran dan bayaran lain dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti boleh menyebabkan pelajar berkeenaan:

- (1) dihalang daripada mendaftar kursus dan statusnya sebagai pelajar Universiti boleh ditamatkan;
- (2) dihalang daripada mendapat keputusan peperiksaan bagi semester berkeenaan, transkrip akademik dan skrol ijazah; dan/atau
- (3) dihalang daripada dikurniakan ijazah dalam istiadat konvokesyen.

## **BAHAGIAN V** **TEMPOH PROGRAM PENGAJIAN**

## **13. Tempoh Program Pengajian**

Pelajar hendaklah mengikuti dan menamatkan program pengajiannya dalam tempoh yang ditetapkan.

#### 14. Tempoh Minimum dan Tempoh Maksimum

- (1) Tempoh minimum dan maksimum bagi menyempurnakan sesuatu program pengajian secara sepenuh masa adalah seperti berikut:

<b>Sistem Pengajian</b>	<b>Minimum</b>	<b>Maksimum</b>
Enam Semester	Enam Semester Biasa	Sepuluh Semester Biasa
Tujuh Semester	Tujuh Semester Biasa	Sebelas Semester Biasa
Lapan Semester	Lapan Semester Biasa	Dua belas Semester Biasa

- (2) Tempoh minimum dan maksimum bagi menyempurnakan sesuatu program pengajian secara separuh masa adalah seperti berikut:

<b>Sistem Pengajian</b>	<b>Minimum</b>	<b>Maksimum</b>
Lapan Semester	Lapan Semester Biasa	Empat belas Semester Biasa
Sembilan Semester	Sembilan Semester Biasa	Lima belas Semester Biasa
Sepuluh Semester	Sepuluh Semester Biasa	Enam belas Semester Biasa

- (3) Walau apapun yang dinyatakan dalam subkaedah (1) dan (2) di atas, Semester Khas hendaklah diambil kira dalam tempoh pengajian jika dinyatakan dalam surat tawaran kemasukan.

#### 15. Penggantungan Program Pengajian Pelajar

Tempoh penggantungan program pengajian pelajar yang dikenakan hukuman di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 tidak diambil kira dalam tempoh maksimum program pengajian.

### **BAHAGIAN VI** **STRUKTUR PROGRAM PENGAJIAN**

#### 16. Struktur Program Pengajian

Pelajar dikehendaki mengikuti dan memenuhi jumlah kredit keseluruhan yang ditetapkan bagi program pengajian masing-masing seperti mana yang diluluskan oleh Senat.

#### 17. Penilai Luar Program

Penilai Luar Program bagi setiap program pengajian yang ditawarkan oleh Universiti hendaklah dilantik oleh Timbalan Naib Canselor yang berkenaan atas perakuan jawatankuasa khas yang dilantik oleh Senat seperti yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan bagi:

- (1) memastikan sesuatu program pengajian yang ditawarkan adalah setanding dan konsisten dengan program yang sama yang ditawarkan oleh universiti-universiti terkemuka dunia;

- (2) mengesahkan bahawa program pengajian menepati tahap dan keperluan standard program yang ditetapkan;
- (3) memastikan kaedah penaksiran dan penilaian adalah bersesuaian, adil dan munasabah serta dikendalikan mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Universiti; dan
- (4) menjamin kualiti program akademik.

#### **18. Komponen Program Pengajian**

- (1) Setiap program pengajian hendaklah mengandungi tiga (3) komponen kursus seperti mana yang ditetapkan di dalam Jadual 1 dan 2 kepada Kaedah-Kaedah ini.
- (2) Walau apapun yang dinyatakan dalam subkaedah (1), mana-mana program pengajian yang mempunyai standard program Agensi Kelayakan Malaysia atau standard badan profesional, program berkenaan hendaklah tertakluk kepada pematuhan keperluan yang ditetapkan.

### **BAHAGIAN VII** **SISTEM PENASIHAT AKADEMIK**

#### **19. Fungsi Penasihat Akademik**

- (1) Dekan Fakulti hendaklah memastikan satu (1) Panel Penasihat Akademik dilantik dalam kalangan guru untuk membimbing pelajar dalam perancangan program pengajiannya.
- (2) Penasihat Akademik bertanggungjawab bagi:
  - (a) membantu pelajar dalam pemilihan kursus dan bilangan kredit yang pelajar akan ambil sebelum semester bermula; dan
  - (b) memberikan bimbingan kepada pelajar dalam mengatasi masalah pembelajaran, jika ada, berdasarkan prestasi pengajian pelajar.
- (3) Dekan Fakulti bertanggungjawab untuk menentukan kaedah pelaksanaan sistem Penasihat Akademik di Fakulti masing-masing.

### **BAHAGIAN VIII** **KAEDAH PENILAIAN**

#### **20. Penilaian**

- (1) Penilaian bagi setiap program pengajian yang dijalankan oleh Universiti boleh dibuat secara penilaian akhir dan penilaian berterusan atau penilaian berterusan sahaja serta kaedah penilaian lain seperti mana yang diluluskan oleh Senat atas perakuan Fakulti.
- (2) Bagi program yang mempunyai standard program dan/atau keperluan badan profesional, kaedah penilaian hendaklah dibuat mengikut keperluan yang ditetapkan.

## **21. Jawatankuasa Pemeriksa**

Jawatankuasa Pemeriksa yang berasingan hendaklah diadakan bagi setiap peperiksaan untuk setiap program akademik.

### **BAHAGIAN IX** **PENGIJAZAHAN**

## **22. Syarat Pengijazahan**

- (1) Pelajar boleh dianugerahkan ijazah yang berkenaan tertakluk kepada pelajar telah:
  - (a) memenuhi segala keperluan Kaedah-Kaedah ini dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya;
  - (b) diperakukan oleh Jawatankuasa Pemeriksa untuk dianugerahkan ijazah dan diluluskan oleh Senat; dan
  - (c) memenuhi segala keperluan lain yang ditetapkan oleh Senat dari semasa ke semasa.
- (2) Universiti berhak menahan penganugerahan ijazah sekiranya pelajar gagal menjelaskan semua yuran dan bayaran lain yang ditetapkan oleh Universiti.
- (3) Walau apapun keputusan berhubung dengan pengijazahan seseorang pelajar, Universiti berhak untuk melucut penganugerahan ijazah seseorang pelajar jika Universiti berpuas hati bahawa pelajar tersebut telah terbukti melakukan perkara berikut:
  - (a) pemalsuan maklumat bagi memenuhi keperluan pengijazahan; dan/atau
  - (b) melakukan perbuatan ketidakjujuran akademik yang pada pandangan Universiti tidak layak dianugerahkan ijazahnya.

### **BAHAGIAN X** **AM**

## **23. Penamatan Status Akademik Pelajar**

Senat berhak menamatkan status akademik seseorang pelajar yang didapati telah memberikan maklumat palsu berkenaan dengan kemasukannya ke Universiti atau melakukan perbuatan ketidakjujuran akademik selain daripada yang dinyatakan di dalam Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 yang pada pandangan Senat tidak wajar dan menjejaskan imej Universiti.

## **24. Kuasa Senat Membuat Peraturan**

Senat boleh membuat peraturan-peraturan pada amnya sebagaimana yang perlu bagi maksud melaksanakan atau menguatkuasakan peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

## **25. Pengecualian Pemakaian**

Walaupun yang dinyatakan di bawah Kaedah-Kaedah ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, Senat boleh memberi pengecualian pemakaian mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

**26. Pematuhan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti**

Setiap pelajar adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan lain yang sedia terpakai di Universiti termasuk Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999.

**27. Pembatalan**

Tertakluk kepada peruntukan kaedah 1(3), Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Ijazah Sarjana Muda) 2019 adalah dengan ini dibatalkan.

Dikemaskini pada 11.07.2024.

YBhg. Tan Sri Zarinah Anwar  
Pengerusi  
Lembaga Pengarah Universiti Malaya

**KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA  
(IJAZAH SARJANA MUDA) 2024**

**JADUAL 1  
(Kaedah 18)**

**KOMPONEN PROGRAM PENGAJIAN – SESI KEMASUKAN 2019/2020 DAN  
SEBELUMNYA**

Setiap program pengajian hendaklah mengandungi tiga (3) komponen kursus seperti yang diberi di bawah:

<b>Komponen</b>	<b>Peratus</b>
Kursus Universiti/Kursus Umum	15% - 20%
Kursus Teras	50% - 60%
Kursus Elektif/Minor	25% - 30%

**KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA  
(IJAZAH SARJANA MUDA) 2024**

**JADUAL 2  
(Kaedah 18)**

**KOMPONEN PROGRAM PENGAJIAN –  
SESI KEMASUKAN 2020/2021\* DAN SETERUSNYA**

Setiap program pengajian hendaklah mengandungi tiga (3) komponen kursus seperti yang diberi di bawah:

<b>Komponen</b>	<b>Peratus</b>
Kursus Universiti/Kursus Umum	10% - 20%
Kursus Teras	50% - 65%
Kursus Elektif	25% - 30%